

DR. M: MALAYSIA LINDUNGI ISLAM

7 SEP 1992
SUBANG 6 Sept.
— Malaysia bersedia memberi perlindungan sementara kepada orang-orang Islam Bosnia untuk tinggal di negara ini sehingga keadaan di negara itu kembali aman.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika menawarkan perlindungan itu hari ini berkata, sehubungan itu rakyat negara ini yang bersimpati juga harus bersedia memberi bantuan makanan dan tempat tinggal kepada rakyat Bosnia.

"Kita boleh memberi perlindungan sementara ini kerana sekarang inipun kita terima kemasukan sejuta orang asing yang tidak menghadapi apa-

apa masalah di negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita hari ini sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selepas menghadiri Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta. (Gambar Perdana Menteri tiba di Muka 2).

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia menerima kemasukan bukan sahaja kanak-kanak Bosnia, tetapi juga orang dewasa.

Mengenai tindakan pihak tertentu yang melancarkan usaha untuk menghantar sukarelawan ke Bosnia-Herzegovina bagi menentang puak Serb, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak menghalang usaha itu.

"Tetapi saya fikir ini satu tindakan yang lebih bercorak

LIHAT MUKA 2

SEDIA BOSNIA

**DR. M: MALAYSIA SEDIA
LINDUNGI ISLAM BOSNIA**

U.M. 7 SEP 1992

semangat daripada kebolehan kerana kalau hendak berperang dengan orang Serbia, kita mestilah terlatih dalam taktik peperangan terlebih dahulu," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak mahu dipersalahkan jika terjadi apa-apa ke atas sukarelawan tersebut.

"Jika hendak hadapi peperangan lebih baik masuk tentera, jadi orang terlatih baru boleh pergi, jangan pergi tangan kosong, semangat memang bagus, tapi kalau semangat tanpa kemampuan dan jadi mangsa sahaja buat apa," tegasnya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri mengulangi kesediaan Malaysia menghantar tentera ke Bosnia jika Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) berkehendak supaya anggotanya berbuat demikian.

"Kita akan sertai pasukan itu dan bukannya 'cakap kosong' sahaja," jelasnya.

Berhubung perhimpunan dan ceramah Pas mengenai Bosnia di Dataran Merdeka, pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada perhimpunan itu benar-benar untuk orang Islam Bosnia atau kepentingan politik parti tersebut semata-mata.

"Ini yang susah apabila perhimpunan seperti itu dianjurkan oleh parti politik seperti Pas dan Semangat 46 kerana mereka mempunyai kepentingan politik dan cuba mencari pengaruh terhadap kematian orang Islam Bosnia," tegasnya lagi.

Kerajaan, tegasnya, lebih mengutamakan bantuan kepada rakyat Bosnia dan merasa kagum dengan derma yang dihulurkan oleh rakyat negara ini.

Ditanya mengenai perletakan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar, Dr. Mahathir berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet.

"Saya baru balik, tidak terima apa-apa lagi, selepas terima surat itu barulah saya akan kaji dan tengok sebelum buat keputusan," katanya.

Mengenai Sidang NAM di Jakarta, Perdana Menteri mendapati minat di kalangan negara-negara lain untuk menyertai NAM telah bertambah walaupun pada mulanya ramai yang hilang kepercayaan terhadap NAM kerana ketiadaan perbalahan antara Barat dan Timur dan peranan berkecuali.

"Kita dapati minat menyertai NAM meningkat dari 103 ahli kepada 108 kali ini sehingga upacara menanam pokok di Taman Mini pun kurang dua pokok, kerana Indonesia menyediakan 106 pokok," katanya.

NAM katanya lagi, memberi peluang kepada negara-negara Selatan untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai aliran politik dunia dan juga masalah-masalah di Bosnia dan Somalia.

Beliau memberitahu, selain daripada Mesej Jakarta, Biro Politik NAM akan mengeluarkan kenyataan berkenaan beberapa perkara politik termasuklah masalah perbuatan puak Serbia ke atas orang Islam Bosnia.

Selaku Presiden UMNO, Dr. Mahathir juga akan memberi penjelasan tentang pengalamannya di Sidang NAM di Jakarta dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO esok.